

# MRT laluan Putrajaya percuma hingga 31 Mac

Kemudahan moden sepanjang 57.7km beri keselesaan rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Serdang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya boleh digunakan secara percuma, bermula semalam hingga 31 Mac ini.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan percuma itu dari stesen MRT Kwasa Damansara hingga Putrajaya Sentral, ditawarkan sempena pembukaan rasmi MRT Laluan Putrajaya bermula jam 3 petang semalam.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Menteri Kabinet serta Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Mohd Zarif Hashim.

Perkhidmatan MRT2 laluan Putrajaya sepanjang 57.7 kilometer (km) adalah projek kedua MRT Lembah Klang, yang menelan be-

lanja RM30.53 bilion.

Laluan berkenaan mempunyai 36 stesen, meliputi kawasan berkepadatan tinggi seperti Bandar Sri Damansara, Kepong, Batu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Razak, Persiaran KLCC, Kuchai Lama, Seri Kembangan, Cyberjaya dan Putrajaya.

Sementara itu, di Putrajaya, Perdana Menteri yang turut merasai pengalaman menaiki MRT laluan Putrajaya, dari depot MRT Serdang ke Putrajaya Sentral, berpuas hati dengan perkhidmatan itu dan mengajak rakyat menikmati perkhidmatan berkenaan, termasuk yang ditawarkan secara percuma selama 16 hari itu.

“Daripada penyelenggaraan, pengawasan dan kebersihan, semua dikawal. Saya minta pengguna memberikan kerjasama (untuk menjaga kemudahan MRT).”

“Kerajaan merangka strategi bagi menjadikan pengangkutan awam sebagai mod utama yang memudahkan rakyat,” katanya.


Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Kementerian Pengangkutan sedang menyiapkan satu kerangka strategi pengangkutan awam lebih menyeluruh bagi menjamin perkhidmatan lebih baik diberikan kepada rakyat.

Beliau berkata, kerangka itu kelak akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri, sebelum dilaksanakan.

“(Kerangka) ini boleh dilaksanakan mengikut peringkat kerana strategi itu adalah untuk meringankan beban rakyat secara umum supaya masalah pengangkutan awam itu ditangani dengan



Anwar bersama Amirudin, Anthony Loke, Saifuddin Nasution, Kor Ming, Mohd Zuki serta Mohd Zarif pada majlis perasmian MRT laluan Putrajaya di Depoh MRT Serdang, semalam. (Foto Eizairi shamsudin/BH)



bijaksana,” katanya.

Sementara itu, Loke dalam ucapannya, berkata kerajaan komited memperkukuh kebolehpercayaan perkhidmatan pengangkutan yang lebih cekap dan efisien, serta memastikan persekitaran lebih kondusif dalam industri untuk mendorong daya saing ekonomi negara.

“Justeru, kerajaan memberi penekanan terhadap penyelenggaraan aset untuk memaksimumkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada. “Kerajaan turut memberi penekanan terhadap aspek integrasi rel, keselamatan, ketersambungan dan kebolehcapaian perkhidmatan bagi melancarkan per-

jalan serta memastikan keselamatan penumpang ke destinasi mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) menjangkakan perkhidmatan MRT laluan Putrajaya itu memberi manfaat kepada lebih 100,000 penumpang setiap hari bagi tahun pertama.